

# KPJ Healthcare tadbir 9/3/07 hospital di Arab Saudi

**K**PJ Healthcare Bhd, menerusi anak syarikatnya, Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd (KPJ) semalam memeterai perjanjian pengurusan hospital dengan New Jeddah Clinic Hospital dan Jeddah Clinic Hospital Kandarah (NJCH).

KPJ Healthcare berkata, matlamat perjanjian bagi membolehkan KPJ mengurus dua hospital di bawah Kumpulan NJCH di Jeddah, Arab Saudi.

Pengarah Urusan KPJ, Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, berkata dengan dua hospital terbaru NJCH itu, menjadikan hospital yang diuruskan KPJ di luar negara berjumlah enam, termasuk tiga di Indonesia dan satu di Bangladesh.

"Janji niaga terbaru itu, membolehkan KPJ meraih pengalaman baru di Asia Barat, selain dapat bertukar amalan terbaik.

"Pelbagai sinergi bakal dijana daripada kerjasama ini, selain membolehkan kedua-dua pihak menerokai lebih banyak peluang perniagaan baru pada masa depan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur semalam.

Siti Sa'diah berkata, pihaknya mengalukan hubungan perniagaan jangka panjang dengan NJCH dan yakin lebih banyak kerja sama bakal terjalin antara KPJ Healthcare dan syarikat di Arab Saudi serta negara Teluk lain.

Pada majlis yang diadakan di Jeddah itu, Siti Sa'diah memeterai perjanjian bagi pihak KPJ, manakala NJCH oleh wakilnya, Hameed Mutabagani.

Hadir pada majlis memeterai perjanjian itu ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Jeddah, Kementerian Kesihatan Arab Saudi, Dr Abdu Rahman Khiyat; Konsul Besar Malaysia di Jeddah, Syed Bakri Al-Jaffree; dan Ketua Eksekutif Kumpulan Johor Corporation yang juga Pengerusi KPJ Healthcare, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Rundingan antara KPJ dengan NJCH bermula sejak 2005, dengan permintaan pertama bagi pembekalan tenaga profesional penjagaan kesihatan kepada NJCH.